



Time to Canva Your Idea: Draft to Publish




Posted on **March 9, 2023**

by **Perpustakaan Tengku Anis UiTM Kelantan Kampus Machang**




Bagi memantapkan kemahiran rekacipta dan penerbitan bahan hebahan dalam kalangan staf UiTM terutamanya staf UiTM Cawangan Kelantan, Perpustakaan Tengku Anis (PTA) telah menganjurkan kursus ***Time to Canva Your Idea: Draft to Publish*** selama dua hari pada 5 dan 6 Mac 2023. Kursus ini diadakan secara hibrid iaitu bersemuka di Bilik IT PTA dan secara maya melalui platform Cisco Webex bermula pada jam 8.30 pagi sehingga 4.30 petang.

Seramai 30 orang peserta secara bersemuka dan lebih dari 150 orang peserta secara maya telah menyertai kursus selama dua hari ini.



Kursus melalui platform Cisco Webex



Kursus secara bersemuka di Bilik IT, PTA


Perkongsian bagi kursus ini telah disampaikan oleh Encik Mohd Alfarabie Mohd Nasir, Pustakawan Kanan Perpustakaan Tun Abdul Razak dan dibantu oleh fasilitator daripada PTA iaitu Encik Hazrie Mat Nawi, Pembantu Pustakawan Kanan, Cik Sazlina Saleh, Pembantu Pustakawan dan Cik Husna Nabila Mohd Asri, Pelajar Latihan Industri.






Kursus dua hari ini diisi sebanyak **6 modul** iaitu:

1. Modul 1: Pengenalan Asas Canva
2. Modul 2: Reka Cipta *Graphic/Poster*
3. Modul 3: Ubah Suai Template sedia ada Canva
4. Modul 4: Latihan
5. Modul 5: Reka Cipta Persembahan *Infographic (Power Point Slide)*
6. Modul 6: Reka Cipta video (Montaj)





Sesi perkongsian oleh penceramah dilakukan pada sebelah pagi dan pada sebelah petang dilakukan aktiviti latihan daripada apa yang telah diajar. Peserta dikehendaki menyelesaikan latihan yang diberikan oleh penceramah bagi setiap hari. Peserta maya juga tidak ketinggalan melakukan latihan yang diberikan dan menghantar latihan pada akhir kursus.



Sesi penyampaian cenderamata kepada penceramah



Gambar kenang-kenangan bersama peserta kursus

Kursus ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada peserta dan memberikan komen yang positif. Pihak PTA mengucapkan terima kasih kepada penceramah yang sudi berkongsi ilmu selama dua hari dan juga kepada peserta yang menyertai kursus ini. Semoga apa yang telah dipelajari dapat mereka pratikkan dalam tugas harian dan menghasilkan penerbitan yang lebih kreatif.

Pautan rakaman kursus: <http://qr.library.uitm.edu.my/rakamankursuscanva>

Disediakan oleh: Sazlina Saleh, Pembantu Pustakawan PTA UiTM Cawangan Kelantan

POSTED UNDER KAMPUS MACHANG, UITM KELANTAN KURSUS SDG4 SDG8 UITMCK

← Majlis Kemuncak Inovasi dan Kualiti UiTM Cawangan Kelantan 2022

Kunjungan Hormat PTAR ke Pejabat Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni UiTM Cawangan Pulau Pinang →



Perpustakaan Tengku Anis UiTM Kelantan Kampus Machang



Leave a Reply

You must be [logged in](#) to post a comment.

Search

Search

Recent Posts

BHEI, PTAR bekerjasama jayakan program literasi maklumat di sekolah daerah Jerantut, Pahang

Kunjungan pelawat dari University of Karachi, Pakistan

Taklimat Penggunaan Paper Machine dan Grammarly di UiTM cawangan Melaka